



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

TINDAKAN SERTA MERTA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA BERHUBUNG KERJA-KERJA Pengerukan DI ALUR PELAYARAN DAN LEMBANGAN TERMINAL FERI PENUMPANG KUALA PERLIS

Sebagaimana maklumat yang tular di media sosial, feri Langkawi-Kuala Perlis tidak dapat belayar pada 2 Februari 2022 mengikut jadual yang ditetapkan. Hal ini disebabkan air alur pelayaran Terminal Feri Penumpang Kuala Perlis telah surut di bawah paras 1.6 meter. Perkara ini telah menyebabkan feri-feri yang beroperasi hanya boleh merapat dan belayar apabila air pasang. Insiden ini telah menyebabkan kelewatan ketibaan feri dari Jeti Kuala Perlis dan seterusnya menyebabkan impak kesesakan di Terminal Feri Penumpang Kuah, Langkawi.

Justeru itu, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui agensinya, Jabatan Laut Malaysia (JLM) telah mengambil langkah serta merta untuk melantik kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja penggerukan melalui Perolehan Darurat untuk tujuan penggerukan di lembangan (basin) jeti. Kerja-kerja penggerukan tersebut telah mula beroperasi pada 6 Februari 2022 dan akan berakhir pada 20 Februari 2022.

Untuk makluman, JLM telah melaksanakan kerja-kerja pergerukan alur pelayaran dengan panjang alur yang dikeruk adalah 5.6 kilometer pada kedalaman 2.0 meter Chart Datum (CD) di Jeti Kuala Perlis semenjak bulan Ogos 2018 hingga Mac 2019 dengan kos keseluruhan berjumlah RM13.8 juta bagi mengatasi masalah mendapan yang sering berlaku di Terminal tersebut. Kerja-kerja pergerukan secara berkala yang dilaksanakan oleh JLM bukan sahaja telah meningkatkan keselamatan pelayaran feri penumpang, nelayan dan pengusaha bot di perairan tersebut, malah telah memberi manfaat secara langsung kepada penduduk setempat bagi mengatasi fenomena air pasang besar yang menyebabkan limpahan air laut dan berlakunya banjir di Kuala Perlis dan kawasan setempat.

Secara dasarnya, projek penggerukan ini dapat merancakkan pelbagai sektor ekonomi serta meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk setempat, di samping memastikan rantaian logistik ke Pulau Langkawi tidak terputus. Kaedah dan teknik penggerukan telah mengalami pelbagai revolusi termasuk memperhalusi kaedah 'sediment trap' untuk dilaksanakan.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Seterusnya, MOT telah melantik Jabatan Pengairan dan Saliran untuk melaksanakan Kajian Penyelesaian Yang Lebih Mampan untuk Menangani Masalah Mendapan Yang Mengganggu Alur Pelayaran Dan Basin Terminal Feri Penumpang Kuala Perlis. Kajian ini dijadualkan siap pada 28 Februari 2022 dan dijangka akan menghasilkan syor-syor penambahbaikan yang dapat diguna pakai oleh Kerajaan.

Bagi mengatasi kadar pemendapan yang tinggi, Projek Kerja-Kerja Pengerukan di Alur Pelayaran dan Lembangan (basin) Terminal Feri Penumpang Kuala Perlis telah disenaraikan dan diluluskan sebagai keutamaan projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. JLM kini dalam proses menjalankan kerja pengerukan yang lebih menyeluruh meliputi pengerukan mendalamkan di lembangan (basin) hadapan Jeti Kuala Perlis dan juga alur pelayaran sepanjang 9 km pada kedalaman 4.0 meter Chart Datum (CD) dan 70 meter lebar.

MOT yakin kerja-kerja dapat diselesaikan dalam kadar seberapa segera demi memastikan kelancaran perkhidmatan feri beroperasi untuk keselesaan serta kesinambungan pergerakan pengangkutan maritim dalam sektor Langkawi-Kuala Kedah-Kuala Perlis.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
7 FEBRUARI 2022**

-TAMAT-

Pertanyaan Media

Hotline 1800-88-7723
Faks +603 8892 0208
E-mel aduan@mot.gov.my

